

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN,
46675 PETALING JAYA.**

Telefon : 03-79563544

Ruj. Kami : MBPJ/010103(U)/S/M9/1 Jld. 7 (2)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS
(PENGGAL 2018-2020)
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

Tarikh : 23 Januari 2020 (Khamis)
Masa : 10.30 Pagi – 11.34 Pagi
Tempat : Dewan Bunga Tanjung,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA.

Hadir : Seperti dilampiran kehadiran

1. DOA

Doa telah dibacakan oleh Encik Abdul Hakim bin Khairuddin, Penolong Pengarah (Penerbitan), Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

2. TAYANGAN VIDEO

2.1 Tayangan video korporat daripada Unit Komunikasi Korporat mengambil masa selama 10 minit yang memaparkan aktiviti-aktiviti Majlis dan Ahli Majlis sepanjang bulan Disember 2019 dan Januari 2020.

3. PERUTUSAN Pengerusi

3.1 YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas segala nikmat kurniaan kesihatan yang diberikan kepada kita semua dan dapat bersama-sama dalam Mesyuarat Majlis bilangan 1 tahun 2020. Beliau juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Beliau mengucapkan tahniah kepada Puan Hajah Azlinda binti Azman yang dilantik sebagai Timbalan Datuk Bandar bagi menggantikan Tuan Johary bin Anuar yang telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Daerah Petaling. Beliau berharap agar segala pengalaman yang pernah disandang oleh Puan Hajah Azlinda binti Azman sebagai Yang Dipertua Majlis Daerah Sabak Bernam dan perkhidmatan dengan Kerajaan Negeri Selangor dapat digunakan untuk berkhidmat di Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Beliau turut berharap agar semua Ahli Majlis dan Ketua Jabatan dapat memberikan sepenuh kerjasama kepada Puan Hajah Azlinda binti Azman untuk mengalas cabaran sebagai Timbalan Datuk Bandar di MBPJ.

Tidak lupa ucapan penghargaan kepada Tuan Johary bin Anuar yang memberi sumbangan dan bakti sepanjang berkhidmat sebagai Timbalan Datuk Bandar MBPJ. Beliau berharap agar Tuan Johary bin Anuar dapat meneruskan kerjasama dengan MBPJ dan terus maju di dalam kerjaya.

Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk. Beliau berharap, dengan kedatangan tahun 2020 akan membawa bersama semangat dan azam baru untuk kita mempertingkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan, inisiatif baru bagi meningkatkan hasil dan fokus kepada perkhidmatan asas perbandaran yang berkualiti.

Penyampaian perkhidmatan berdasarkan gabungan elemen kreativiti dan inovasi yang penuh berteknologi akan dilaksanakan secara optimum agar proses kerja menjadi lebih mudah dan sistematik bagi memberikan impak yang lebih besar kepada masyarakat.

3.2 **FOKUS BELANJAWAN MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BAGI TAHUN 2020**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan memastikan belanjawan yang diperuntukkan digunakan dengan penuh cermat, berhemah dan berintegriti. Majlis akan terus memperkasakan penyampaian perkhidmatan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan berada di tahap optimum dengan memberi penekanan kepada semua aspek perkhidmatan yang ditawarkan oleh Majlis.

Bajet 2020 disediakan berdasarkan kepada 'priority based budgeting' iaitu keutamaan kepada perbelanjaan yang komited, perbelanjaan menaik taraf dan projek-projek sambung yang belum selesai. Pada

tahun 2020, anggaran kutipan hasil adalah berdasarkan kepada kutipan sebenar yang boleh dikutip dan Majlis akan berusaha untuk mencari ruang seluas mungkin supaya kutipan hasil boleh ditingkatkan melalui penyusunan dan pemantauan tatacara kutipan hasil. Langkah ini amat penting dan perlu diambil tindakan bagi memastikan kedudukan kewangan Majlis sentiasa kukuh.

Pada tahun ini, Majlis akan mengambil pendekatan berbelanja secara berhemah dan memberi fokus kepada amalan budaya menyelenggara dengan menumpukan kepada kerja-kerja *back to basic* bagi perkhidmatan penyelenggaraan jalan raya, sistem saliran, pencahayaan bandar, menaik taraf dewan serta program penghijauan bandar. Di samping itu, Majlis akan meneruskan lagi program-program pembangunan masyarakat dan sosial melalui program keselamatan yang melibatkan penduduk bagi mengurangkan kadar jenayah di Petaling Jaya. Langkah ini diharapkan akan dapat menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya yang selamat dan sejahtera untuk didiami.

Selain itu, sebagai penyedia perkhidmatan, Majlis sangat peka untuk menangani isu-isu perbandaran seperti kebersihan, perumahan, pencemaran alam sekitar, keselamatan dan kelancaran lalulintas, penguatkuasaan dan lain-lain dengan lebih berkesan supaya dapat memenuhi ekspektasi masyarakat yang membayar cukai.

Bertemakan Bandar Raya Berdaya Tahan, Petaling Jaya akan dibangunkan berteraskan prinsip-prinsip keselamatan dan kesempurnaan, kerancakan ('vibrant'), berdaya huni, reka bentuk sejagat ('universal design'), 'value for money', kemudahsampaian, penyediaan perkhidmatan mampu bayar dan efisien berteraskan kepada matlamat pembangunan lestari atau 'Sustainable Development Goals' (SDG) yang seiring dengan wawasan 'PJ Sustainable 2030'. Bandar raya lestari dan berdaya tahan yang dicadangkan ini akan memfokuskan kepada empat pengurusan 'back to basic' seperti berikut:

- a) Pengurusan Infrastruktur dan Kemudahan Awam
- b) Pengurusan Taman, Padang dan Landskap
- c) Pengurusan Sisa Pepejal, Pembersihan dan Kesihatan Persekitaran
- d) Pengurusan Keselamatan Bandar, Sosial dan Kemasyarakatan

3.3 KEMPEN JOM BAYAR LESEN PERNIAGAAN 2020

Selaras dengan kempen Jom Bayar Lesen Perniagaan Tahun 2020 yang dilaksanakan oleh Majlis bermula 1 Oktober 2019 sehingga 31 Disember 2019 yang lalu, sejumlah 38,058 aktiviti tred daripada jumlah keseluruhan 40,924 dan 8,574 lesen penjaja daripada 10,291 lesen telah membuat pembaharuan lesen. Selebihnya 4,407 aktiviti perniagaan masih lagi belum memperbaharui lesen perniagaan. Peratusan pembaharuan lesen 2020 adalah sejumlah 93 peratus bagi aktiviti tred dan 83.3 peratus bagi aktiviti penjaja.

Antara aktiviti yang belum memperbaharui lesen bagi tahun 2020 adalah aktiviti seperti berikut:

- a) Pejabat pengurusan sebanyak 867 lesen bersamaan 32.3 peratus.
- b) Kedai runcit/pasar raya/pasar mini sebanyak 290 lesen bersamaan 10.8 peratus.
- c) Aktiviti bengkel/aksesori/kedai kereta dan motosikal sebanyak 188 lesen bersamaan 6.8 peratus.
- d) Lain-lain aktiviti seperti butik, restoran, kedai pakaian, gudang, stor dan kedai telekomunikasi sebanyak 1,345 lesen bersamaan 50.1 peratus.
- e) Penjaja sebanyak 1,717 lesen bersamaan 15.72 peratus.

Berdasarkan rekod, Majlis mendapati lokasi premis tertinggi yang tidak memperbaharui lesen ialah di kawasan PJU sebanyak 46.7 peratus, SS sebanyak 24.2 peratus, Seksyen 16.2 peratus dan PJS sebanyak 12.8 peratus.

Bagi pemegang lesen tred dan usahawan mikro yang gagal memperbaharui lesen tahun 2020 sebelum 31 Disember 2019, Majlis mengenakan caj pemprosesan sebanyak RM 50 bagi pembaharuan lesen yang dibuat sehingga 31 Mac manakala RM 300 dikenakan bagi pembaharuan lesen yang dibuat sehingga 30 Jun 2020. Manakala, pembatalan lesen akan dilaksanakan sekiranya pembaharuan lesen tidak dibuat selepas 30 Jun 2020.

Manakala bagi aktiviti iklan luaran pula, pemegang lesen yang memperbaharui lesen pada bulan April hingga Jun 2020 akan dikenakan caj pemprosesan satu (1) peratus daripada kadar lesen, dan caj dua (2) peratus dikenakan sekiranya pembaharuan dibuat pada bulan Julai hingga September 2020 serta tindakan mahkamah akan dikenakan sekiranya pembaharuan lesen tidak dibuat sehingga bulan Oktober.

Majlis akan mula melaksanakan semakan dan penguatkuasaan pembaharuan lesen tahun 2020 bermula pada 3 Februari 2020. Semakan yang akan dilaksanakan adalah ke arah premis perniagaan tanpa lesen, premis perniagaan yang gagal memperbaharui lesen serta aspek pematuhan syarat-syarat lesen. Majlis akan meneruskan tindakan kompaun, notis sitaan dan pendakwaan ke atas mana-mana premis yang gagal mematuhi undang-undang dan garis panduan yang ditetapkan tanpa sebarang amaran.

Pada tahun 2019, sebanyak 10,745 tindakan kompaun, 1,542 tindakan notis, 3,107 tindakan sitaan serta 68 tindakan pendakwaan telah dijalankan ke atas aktiviti tred, penjaja dan halangan di seluruh kawasan Petaling Jaya. Sehubungan dengan ini, Majlis ingin menasihati kepada semua pemilik perniagaan agar mendapatkan lesen perniagaan sebelum memulakan sebarang aktiviti serta mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan.

Justeru itu, Majlis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pemegang lesen yang telah memperbaharui lesen sepanjang tempoh kempen Jom Bayar Lesen Perniagaan 2020.

3.4 **DASAR BARU KERAJAAN NEGERI (DASAR 100 HARI)**

Untuk tahun 2020, berdasarkan keputusan di dalam MMKN, Kerajaan Negeri telah menetapkan satu dasar baru iaitu 100 hari melibatkan proses Kebenaran Merancang (KM) dan urusan pembangunan tanah yang mana merupakan KPI yang ditetapkan kepada setiap Datuk Bandar, YDP dan juga Pegawai Daerah.

Majlis akan memastikan ianya dapat dilaksanakan dan pada masa yang sama cuba diselarikan dengan dasar atau piagam yang ditetapkan di peringkat Kerajaan Tempatan OSC 3.0 dan OSC 3 Plus. Perkara ini bukan satu perkara yang sukar untuk dicapai oleh Majlis bagi dasar 100 hari ini kerana proses-proses Majlis telah dilaksanakan dengan baik.

Maklum balas juga turut diterima berkaitan proses prarundingan walaupun Majlis telah bersetuju memansuhkan proses ini tetapi perunding-perunding masih memerlukan proses prarundingan ini dibuat kerana ianya banyak membantu dalam kelulusan pelan pembangunan. Perunding-perunding ini juga disarankan untuk menulis surat rasmi kepada KPKT berkaitan perkara ini untuk kemungkinan dinilai semula keberkesanan proses prarundingan ini.

3.5 **MBPJ PERKENAL SALURAN WHATSAPP ADUAN**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah memperkenalkan saluran baharu aduan dengan menggunakan aplikasi `whatsapp` sejak 3 Januari 2020.

Saluran aduan ini diaktifkan bagi membolehkan orang awam untuk membuat aduan mengenai sebarang isu berkaitan kerosakan infrastruktur, kutipan sampah, anjing liar dan lain-lain aduan berkaitan perkhidmatan Majlis di kawasan Petaling Jaya. Orang awam kini boleh menghantar aduan ke nombor 011-12017914. Setiap aduan yang dihantar akan menerima mesej pesanan (`auto reply`) dan pengguna perlu melengkapkan butiran dengan mengemukakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat pengadu, keterangan aduan dan lokasi aduan.

Setiap butiran dan keterangan aduan yang tidak lengkap akan menyebabkan aduan berkenaan tidak akan diproses untuk tindakan seterusnya. Untuk makluman, waktu urusan bagi saluran whatsapp adalah dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada waktu bekerja pada setiap hari Isnin hingga Jumaat (kecuali hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan Am). Selain aplikasi whatsapp, alternatif lain saluran aduan MBPJ juga disediakan seperti e-mel aduan (aduan@mbpj.gov.my), talian hotline (03-79542020), faks (03-79551804), laman sosial media Facebook <https://www.facebook.com/mbpjaduan>, sistem perhubungan pelanggan <https://embpj.mbpj.gov.my/> dan Aplikasi `eAduan MBPJ` di peranti `android playstore`.

3.6 **SAMBUTAN RUMAH TERBUKA SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA DAN CAP GOH MEH TAHUN 2020**

DYTM Raja Muda Selangor berkenan untuk menyempurnakan Sambutan Rumah Terbuka Sempena Perayaan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor Tahun 2020 anjuran Kerajaan Negeri pada 1 Februari 2020.

Sambutan Rumah Terbuka ini akan diadakan di Dataran Petaling Jaya, Jalan Timur, Seksyen 52, Petaling Jaya bermula jam 6.30 petang. Penganjuran ini turut mendapat kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Invest Selangor serta agensi dan jabatan kerajaan yang lain.

Sambutan rumah terbuka perayaan ini adalah bertujuan untuk memupuk perpaduan, persepakatan dan persefahaman berbilang kaum di negara ini malah berharap sambutan perayaan ini dapat merapatkan lagi hubungan di antara pemimpin dan masyarakat yang sedia terjalin.

Para pengunjung digalakkan menggunakan pengangkutan awam seperti Transit Aliran Ringan (LRT) dan perkhidmatan Bas Percuma, 'PJ City Bus' yang disediakan oleh Majlis dari stesen terpilih ke tempat lokasi. Empat hentian yang terlibat adalah PJ01 (Taman Medan-PPUM), PJ02 (LRT Taman Jaya-SS2), PJ03 (LRT Taman Bahagia-SS6 Kelana Park View) dan PJ04 (LRT Taman Bahagia-Sg Way-SS2). Penguatkuasa MBPJ dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan bersama-sama menempatkan anggota masing-masing bagi kawalan keselamatan dan penguatkuasaan di lokasi sambutan perayaan rumah terbuka ini.

Seterusnya pada 8 Februari 2020 (Sabtu) di Tasik Taman Jaya, Seksyen 10, Petaling Jaya akan diadakan sambutan Cap Goh Mei 2020. Manakala pada 10 Februari 2020 (Isnin) pula akan diadakan sambutan perayaan Tahun Baru Cina peringkat Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Sambutan ini juga turut disekalikan dengan perasmian Pasar Lambak Pagi berbumbung di SS2.

Beliau memohon Ahli-ahli Majlis MBPJ untuk menghebahkan sambutan kedua-dua perayaan ini kepada seluruh penduduk dalam kawasan pentadbiran masing-masing untuk bersama-sama hadir memeriahkan sambutan perayaan ini.

Beliau turut memaklumkan bahawa, Majlis akan menerima dua lawatan pemeriksaan panel dari pemeriksaan Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan panel lawatan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT/Star Rating).

Justeru, beliau memohon agar semua jabatan berada dalam keadaan bersedia dan membuat segala persiapan seperti dokumen, rujukan dan perkara-perkara lain yang berkaitan terhadap penilaian sendiri mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

Semoga kerjasama dan komitmen serta sokongan padu yang diterapkan diantara satu sama lain dapat mengekalkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan awam Majlis Bandaraya Petaling Jaya di peringkat negeri mahupun nasional.

4. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA BILANGAN 12 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020).

4.1 Minit Mesyuarat Majlis bilangan 12 Tahun 2019 bagi penggal 2018/2020 bertarih 13 Disember 2019 disahkan tanpa pindaan.

5. LAPORAN MAKLUMBALAS KE ATAS MINIT MESYUARAT MAJLIS BILANGAN 12 TAHUN 2019 (PENGGAL 2018/2020) YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 DISEMBER 2019.

Tiada

6. MENIMBANGKAN CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS.

**6.1 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA TENDER BERTARIKH 7 JANUARI 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/6 JLD. 5 (73))**

6.1.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Juruukur Bahan, MBPJ.

**6.2 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (OSC) BERTARIKH 12 DISEMBER 2019 DAN 9 JANUARI 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (16))
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/4 JLD. 7 (18))**

6.2.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Unit Pusat Setempat, MBPJ.

6.3 **CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA
PENGINDAHAN BANDAR BERTARIKH 13 JANUARI 2020.
(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/21 JLD. 2 (64))**

6.3.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 3 di muka surat 4 bagi para 7.5 seperti berikut:

7.5 muka surat 11	PERKARA YANG DIBANGKITKAN OLEH ENCIK FARHAN HAZIQ BIN MOHAMED	
	7.5.1 dan 7.5.2	Maklumbalas bagi perkara 7.5.1 dan 7.5.2 akan dimaklumkan kemudian.
	7.5.3 Beliau berharap...	Siasatan tapak telah...

6.3.2 Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan perkara 7.4.3 di muka surat 12 seperti berikut:

- a) Puan Rahibah binti Che Omar memaklumkan bahawa pihak Pengurusan Komuniti bersetuju untuk bekerjasama dengan Majlis dan memohon agar lawatan tapak diadakan ke tasik berkaitan.
- b) YBhg. Datuk Pengerusi turut memaklumkan bahawa beliau telah mengarahkan agar Pengarah Jabatan Kejuruteraan melihat sekiranya ada lebihan peruntukan bagi tujuan di atas iaitu anggaran RM30 ribu memandangkan ianya tidak dibajetkan.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BERTARIKH 14 JANUARI 2020.**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/2 JLD. 4 (72))**

6.4.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENASIHAT LALULINTAS BERTARIKH 14 JANUARI 2020.**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/9 JLD. 3 (34))**

6.5.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut dengan mengeluarkan ayat bagi perkara 7.2.1 ii) perenggan 4 maklumbalas dan tambahan ayat bagi muka surat 17 perkara iii) para 4 maklumbalas seperti berikut:

Perkara ii) maklumbalas perenggan 4 dikeluarkan daripada minit iaitu:

YBhg. Datuk Pengerusi menyatakan untuk melaksanakan penyediaan petak kereta di lorong belakang walaupun tidak mengikut garis panduan.

Tambahan ayat bagi perkara iii maklumbalas para 4.

...banjir tetap berlaku kerana longkang outlet di depan rumah nombor 35 terlalu kecil dan tidak boleh menampung kapasiti air hujan lagi.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANGAN BANDAR BERTARIKH 15 JANUARI.**(RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/14 JLD. 3 (35))**

6.6.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Pengarah, Jabatan Perancangan dan Pembangunan, MBPJ.

CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN, PERKHIDMATAN KORPORAT DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BERTARIKH 15 JANUARI 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 3 (59))

6.7.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan pindaan bagi perkara 2.2.2 di muka surat 2 dan 6.2.2 di muka surat 19 seperti berikut:

Perkara 2.1.2 - salah ejaan nama

Puan Rahibah memohon...

Perkara 6.2.2 pindaan di dalam jadual

BIL	AKTIVITI	BAYARAN
4.1.1	Program Ahli Majlis bersama MBPJ	Percuma
4.1.2	Program Ahli Majlis	Bayaran sebanyak 30%
4.1.3	Program Ahli Majlis dengan NGO/Persatuan/Kelab/dan lain-lain	Potongan sebanyak 50%

Tindakan : Timbalan Pengarah, (Sumber Manusia), MBPJ.

6.8 CADANGAN MINIT MESYUARAT PIHAK BERKUASA MELANTIK BERTARIKH 15 JANUARI 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/17 JLD. 2 (115))

6.8.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Timbalan Pengarah, Sumber Manusia, MBPJ.

6.9 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN KORPORAT BERTARIKH 16 JANUARI 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/10 JLD. 2 (47))

6.9.1 Mesyuarat telah menerima dan mengambil maklum cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas dengan tambahan perenggan bagi perkara 5.1.1 c) di muka surat 4 seperti berikut:

Beliau juga membangkitkan isu perubahan kerja (VO) yang dikeluarkan dan prosedur VO yang tidak dipatuhi dan menyebabkan berlakunya pertambahan kos projek.

Tindakan : Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.

6.10 CADANGAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BERTARIKH 16 JANUARI 2020. (RUJ.: MBPJ/010103(U)/S/M9/7 JLD. 3 (37))

6.10.1 Mesyuarat telah menerima dan mengesahkan cadangan minit Mesyuarat Jawatankuasa tersebut di atas.

Tindakan : Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.

7. UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 UCAPAN PENANGGUHAN OLEH ENCIK DEREK JOHN FERNANDEZ

7.1.1 Ucapan Selamat Tahun Baru Cina

Beliau mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua Ahli Majlis dan kakitangan Majlis dan berharap dengan adanya cuti musim perayaan dapat meluangkan masa bersama keluarga.

7.1.2 Isu Semasa

Beliau membangkitkan isu semasa yang melanda bukan sahaja di Malaysia malah di Negara lain iaitu isu perubahan cuaca yang melanda bukan sahaja di Malaysia akan tetapi di Negara China dan Australia baru-baru ini. Perubahan cuaca yang mendadak menyebabkan kita tidak dapat menjangka sama ada musim banjir atau kemarau.

Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan kita perlu sentiasa bersiap sedia bagi menangani sebarang kemungkinan yang berlaku. Ada kalanya banjir bukan disebabkan limpahan air hujan akan tetapi berpunca dari longkang yang tersumbat dan tidak diselenggara dengan baik. Ia bukan perkara mudah untuk diatasi memandangkan penduduk akan tetap menyalahkan PBT

dan kontraktor yang dilantik walaupun sebenarnya punca masalah tersebut adalah daripada sikap penduduk yang membuang sampah seperti plastik, puntung rokok dan pasir ke dalam longkang yang menyebabkan longkang tersumbat. Sebagai contoh di SS2 dan Paramount keadaan longkang tersumbat dengan pasir dan sampah sarap yang boleh mengakibatkan banjir kilat sekiranya hujan turun walaupun sedikit.

Sehubungan dengan itu, telah sampai masa untuk Majlis membahaskan perkara ini dan menguatkuasakan undang-undang yang mewajibkan pemilik premis komersial membersihkan longkang dan siar kaki masing-masing. Perkara ini berlaku di lain-lain Negara seperti Bangkok di mana pemilik premis bertanggungjawab sepenuhnya untuk membersihkan longkang dan siar kaki.

7.1.3 Isu Penggunaan Air

Kerajaan Negeri Selangor adalah sebuah negeri penyayang dan baru-baru ini YAB Datuk Menteri Besar Selangor mengumumkan bahawa program air percuma akan disambung. Sepanjang pengetahuan beliau, Malaysia adalah satu-satunya Negara yang menyalurkan bekalan air percuma kepada rakyatnya. Oleh itu kita kena menggunakan air secara berhemah dan bertanggungjawab.

Beliau berpendapat sudah sampai waktunya kita mewajibkan penyimpanan air hujan untuk kegunaan tandas, mencuci pinggan selain digunakan untuk menyiram pokok. Perkara ini boleh dipraktikkan di tempat membeli belah dan tempat komersial yang menggunakan banyak air bagi tujuan kegunaan tandas. Beliau turut memaklumkan telah mempraktikkan perkara ini dengan menyimpan air hujan bagi kegunaan tandas di kediaman beliau. Kaedah ini adalah salah satu daripada cara yang boleh menjimatkan penggunaan air memandangkan kegunaan air bukan sahaja untuk menyiram bunga akan tetapi untuk mandi dan tandas.

Sudah sampai masanya Majlis membahaskan perkara ini agar setiap bangunan baru menyediakan satu saluran air hujan berasingan bagi kegunaan tandas.

7.1.4 Ulasan YBhg. Datuk Bandar

YBhg. Datuk Bandar mengucapkan terima kasih di atas perkara yang dibangkitkan oleh Encik Derek John Fernandez. Beliau berharap agar YB. ADUN yang hadir dapat membawa isu ini diperingkat Dewan Undangan Negeri untuk diperhalusi dan dilaksanakan.

Cadangan agar pemilik premis membersihkan siar kaki dan longkang di premis masing-masing pernah dibincangkan akan tetapi masih tiada maklumbalas. Beliau amat menyokong pendapat ini kerana kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada kontraktor dan Majlis tidak mampu menggaji kontraktor sehingga 8 atau 24 jam bagi setiap masa sebab melibatkan kos pengurusan melainkan pemilik premis tersebut sanggup membayar dengan nilai yang tinggi. Pemilik premis sendiri boleh membersihkan premis mereka bagi mengelakkan kos pengurusan meningkat.

Berkaitan isu perubahan cuaca, diperingkat MBPJ telah melihat perkara ini dengan merujuk negara lain seperti di Jepun telah ada teknologi baru yang juga mengambil kira perkara yang ditetapkan di dalam SDGs. Ini adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian di dalam usaha kita membangunkan bandar dan dalam masa yang sama kita melihat kesan pembangunan kepada masyarakat.

Di Petaling Jaya kita melihat kepada perkara-perkara ini agar generasi akan datang dapat hidup dalam suasana sejahtera dan selesa. Dengan bantuan ADUN dan beliau sendiri akan mengemukakan isu ini kepada Kerajaan Negeri untuk perbincangan.

Di Malaysia keadaan adalah berbeza dengan Australia di mana Ahli Majlis di Australia boleh menggubal Undang-Undang Kecil termasuklah larangan merokok. Ini tidak berlaku di Malaysia. Akan tetapi keadaan ini telah menunjukkan sedikit perubahan demi menjamin kelestarian dan 'sustainable' generasi akan datang.

UCAPAN PENANGGUHAN OLEH Y.M. PUAN RAJA FAIRUZ BINTI RAJA MAZLAN

7.2.1 Ucapan Penghargaan

Beliau mengucapkan salam dan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap pada pagi ini. Beliau memulakan ucapan dengan serangkap pantun.

Bulan purnama si terang bulan,
Anak bujang bernyanyi syahdu,
Puji syukur kami ucapkan,
Atas kedatanganmu Timbalan Datuk Bandar yang baru.

Beliau mengucapkan tahniah dan syabas di atas pelantikan Puan Hajah Azlinda sebagai Timbalan Datuk Bandar yang baru. Sesungguhnya pelantikan ini amat bermakna kerana menyahut seruan kerajaan yang inginkan penjawat awam wanita diangkat ke tahap yang lebih tinggi sebagai pembuat keputusan terlaksana di MBPJ. Beliau amat yakin dan percaya dengan kewibawaan Puan Hajah Azlinda dan komitmen yang padu akan terserlah di dalam menjayakan misi dan visi ke arah menjadikan Petaling Jaya sebuah Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Lestari.

7.2.2 Kelulusan Kerja Pembangunan

Sistem Perparitan

Beliau mengucapkan terima kasih kepada YBhg. Datuk Pengerusi kerana telah meluluskan Kerja Pembangunan untuk membaik pulih sistem perparitan bagi menangani masalah banjir kilat yang kerap melanda di kawasan beliau, iaitu di sekitar Jalan 2/2 dan 2/3 sehingga memasuki bilik darjah di sekolah berhampiran dan perumahan penduduk di situ.

Menaiktaraf kawasan lapang

Beliau mengucapkan penghargaan kerana Jabatan Landskap telah meluluskan Kerja Pembangunan menaik taraf kawasan lapang di Flat Taman Medan Cahaya PJS 2C atau lebih dikenali sebagai 'Padang Tadahan Hujan' yang sekarang ini menjadi 'Ladang Ternakan Nyamuk Aedes' di kawasan tersebut. Sebagaimana laporan Mesyuarat Task Force Denggi baru-baru

ini terdapat kenaikan kes denggi di Flat Taman Medan Cahaya dan kawasan tersebut kembali menjadi kawasan hotspot denggi. Bagi mengelakkan peningkatan wabak denggi yang boleh mengancam nyawa penduduk, beliau berharap agar projek untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai kawasan rekreasi siar kaki disegerakan.

7.2.3 Sedikit Sedikit berkaitan Zon 18

Beliau memaklumkan serba sedikit kawasan seliaan beliau iaitu Zon 18, PJS 2 Dan PJS 4 terutama untuk makluman Timbalan Datuk Bandar yang baru.

Zon 18 merupakan satu kawasan yang tinggi peratusan penduduk tahap B40. Zon 18 dan seluruh kawasan PJS atau Petaling Jaya Selatan merupakan kawasan yang amat memerlukan bantuan yang padu dalam semua aspek kehidupan serta menghadapi pelbagai masalah seperti susunan struktur kependudukan serta pembangunan yang tidak teratur, kekurangan fasiliti dan keadaan infrastruktur yang tidak mencukupi.

Sehubungan dengan itu, beliau memohon perhatian YBhg. Datuk Bandar, Puan Timbalan Datuk Bandar dan Ketua-Ketua Jabatan agar memberi perhatian yang lebih kepada kawasan Zon 18, PJS 2 Dan PJS 4 serta seluruh kawasan PJS dalam merangka belanjawan dan perancangan strategik agar pembangunan di Petaling Jaya bergerak seimbang memacu pemodenan di setiap pelusuk tanpa ada yang terpinggir biarpun seinci.

Beliau turut mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina 'Xin Nian Kuey ley' kepada semua kaum tiong hua yang menyambutnya. Beliau turut memohon maaf sekiranya terdapat sebarang salah dan silap dan mengakhiri ucapan dengan dua (2) rangkap pantun:

Kait Kelapa Kukur Kelapa,
Kupas Ubi Buat Pengat,
Hendak Ku Lupa Tak Terlupa,
Kerana Budi Sudah Terpahat.

SULIT

Bulan Mengambang Bintang Berkerlipan,
Pungguk Menangis Rindukan Teman,
Andai Menyinggung Tersilap Perlakuan,
Ku Pohon Maaf Darimu Tuan.

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.34 pagi. YBhg. Datuk Pengerusi mengulas bahawa perkara-perkara penting yang tidak dibajetkan boleh diselesaikan dengan menggunakan peruntukan MARRIS yang akan diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk projek.

YBhg. Datuk Bandar mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada Ahli Majlis dan pegawai serta kakitangan yang menyambutnya. Diharap agar sambutan kali ini lebih meriah dan tidak membazir. Sekiranya pulang ke kampung, keselamatan harta benda perlu diutamakan.



(HJH. AZLINDA BINTI AZMAN, SIS, PPT),
Setiausaha,
Majlis Bandaraya-Petaling Jaya.

Bertarikh : 10 Januari 2020.

17/21

HADIR:

01. YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, - Pengerusi
D.P.M.S., S.M.S.,
Datuk Bandar, MBPJ.
02. Puan Hjh. Azlinda binti Azman, S.I.S., P.P.T.,
Timbalan Datuk Bandar, MBPJ.
03. Encik Terence Tan Teck Seng,
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Encik Suriase a/l Gengiah,
Ahli Majlis, MBPJ.
05. Encik Zamri bin Mohamad,
Ahli Majlis, MBPJ.
06. Encik Ahmad Akhir bin Pawan Chik, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
07. Encik Tang Fuei Koh, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
08. Encik Ong Swee Long,
Ahli Majlis, MBPJ.
09. Encik Derek John Fernandez, P.J.K.,
Ahli Majlis, MBPJ.
10. Puan Elaine Magdaline Nathaniel,
Ahli Majlis, MBPJ.
11. Encik Wong Swee Sang,
Ahli Majlis, MBPJ.
12. Encik Sugumaran a/l R Annamalai,
Ahli Majlis, MBPJ.
13. Encik Chan Pak Keung,
Ahli Majlis, MBPJ.

18/21

SULIT

14. Puan Nurainie Haziqah binti Shafi'i,
Ahli Majlis, MBPJ.
15. Y.M. Raja Fairuz binti Raja Mazlan,
Ahli Majlis, MBPJ.
16. Encik Leong Chee Cheng,
Ahli Majlis, MBPJ.
17. Encik Loyis Anak Uding,
Ahli Majlis, MBPJ.
18. Encik Ong Yew Thai,
Ahli Majlis, MBPJ.
19. Puan Quratulain Atiqah binti Norzahirul Anuar,
Ahli Majlis, MBPJ.
20. Tuan Sr. Thayalan a/l Krishnasamy,
Ahli Majlis, MBPJ.
21. Encik Farhan Haziq bin Mohamed,
Ahli Majlis, MBPJ.
22. Puan Rahibah binti Che Omar,
Ahli Majlis, MBPJ.

TIDAK HADIR:

01. Encik Mohamad Shakirien bin Dato' Abd Razak, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
02. Puan Ermeemarianna binti Saadon, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
03. Encik Anwar bin Nekhan, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.
04. Puan Sakinah Bibi Nagoor, (dengan maaf)
Ahli Majlis, MBPJ.



SULIT

HADIR BERSAMA:

01. Puan TPr. Hjh. Sharipah Marhaini binti Syed Ali, P.P.T.,
Timbalan Setiausaha,
Jabatan Perancangan Pembangunan, MBPJ.
02. Encik Mohamad Rosnani bin Hj. Hamid, A.M.S., P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan,
03. Puan Hjh. Nik Nazli binti Nik Abdullah, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan, MBPJ.
04. Tuan Ir. Haji Ismail bin Shafie, A.M.S.,
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan, MBPJ.
05. Encik Ahmad Faizal bin Ismail,
Wakil Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MBPJ.
06. Encik Aznan bin Hj. Hassan, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan, MBPJ.
07. Puan Hamidah binti Hj. Ariffin, P.P.T.,
Pengarah, Jabatan Kawalan Bangunan, MBPJ.
08. Tuan Dr. Badruzaman bin Jaafar,
Wakil Pengarah, Jabatan Landskap, MBPJ.
09. Puan Mahzura binti Mohd Amin,
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran, MBPJ.
10. Encik Mohd Fauzi bin Maarop, P.J.K.,
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan, MBPJ.
11. Puan Hjh. Sharinaz binti Hj. Samsudin@Musa, A.I.S.,
Pengarah, Jabatan Pelesenan, MBPJ.
12. Encik Lee Lih Shyan,
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam, MBPJ.
13. Puan Norzita binti Mokhtar,
Pengarah, Unit Perundangan, MBPJ.

20/21



SULIT

SULIT

14. Encik Samsu Bahari bin Nonchi, A.M.S.,
Pengarah, Unit Teknologi Maklumat, MBPJ.
15. Puan Haniza binti Abdul Hamid, P.P.T.,
Pengarah, Unit Komunikasi Korporat, MBPJ.
16. Puan Hjh. Norlida binti Md. Isa P.J.K.,
Pengarah, Unit Audit Dalam, MBPJ.
17. Puan Sr. Jayanthi a/p Kupusamy,
Pengarah, Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB), MBPJ.
18. Tuan TPr. Muhammad Rosdi Bin Abdullah,
Wakil Pengarah, Unit Pusat Setempat (OSC), MBPJ.

TURUT HADIR:

01. Puan Mayna Patel,
Wakil Ahli Parlimen Petaling Jaya.
02. YB Tuan Rajiv A/L Rishyakaran,
ADUN Bukit Gasing.
03. YB Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri,
ADUN Taman Medan.
04. YB Tuan Halimey bin Abu Bakar,
ADUN Seri Setia.

URUSETIA :

01. Puan Haslida binti Samat, P.P.S.,
Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Urusetia),
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.
02. Puan Nur Zaidah binti Abd. Kadir,
Pembantu Tadbir,
Bahagian Pentadbiran Am dan Urusetia,
Jabatan Khidmat Pengurusan, MBPJ.

21/21

**SULIT**